

## **KERTAS 3 SPMU 2019 : PERLEMBAGAAN**

### **soalan 1 : Definisi / Konsep / Maksud perlembagaan( 5 markah ) Bt ms 162**

Pertama, perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan. Kedua ia dijadikan sebagai dokumen rasmi yang mengandungi segala peraturan dan prinsip. Ketiga, sebagai panduan kepada kerajaan bagi melaksanakan kuasanya dan mentadbir negara. Keempat, parti politik yang memerintah akan mengetahui hala tuju pentadbiran negara dan akhir sekali menjamin Kerajaan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat melalui peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia.

=====

### **Soalan 2 : Jelaskan konsep / maksud KELUHURAN PERLEMBAGAAN Bt ms 163**

Keluhuran perlembagaan merupakan prinsip Rukun Negara yang ketiga, bermaksud keagungan dan ketertinggian undang-undang atau perlembagaan itu sendiri. Keluhuran perlembagaan Malaysia mengatasi kuasa Yang di-Pertuan Agong, parlimen, jemaah menteri dan mahkamah. Bukti keluhuran perlembagaan dapat dilihat pada peruntukan kuasa parlimen. Parlimen mendapat kuasa daripada perlembagaan. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong, YDPA tertakluk kepada perlembagaan Malaysia. Kuasa perundangan kebebasan asasi. Semua jenis undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan Malaysia adalah tidak sah. Undang-undang negeri mestilah selaras dengan perlembagaan persekutuan. Perkara 75 menyatakan undang-undang negeri yang bertentangan dengan perlembagaan persekutuan adalah terbatal dengan sendirinya. Perlembagaan persekutuan memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk membatalkan akta yang diluluskan di luar bidang kuasa parlimen atau bercanggah dengan perlembagaan Malaysia. Mahkamah berkuasa menentukan kesahihan setiap. Undang-undang bagi menjamin keluhuran dan ketertinggian perlembagaan Malaysia.

=====

===== RUJUK BUKU TEKS Andaian Soalan

#### **ARAS 2. MEMAHAMI**

( Calon FAHAM tentang topik perbincangan)

#### **3. MENGANALISIS**

( Calon buat ANALISIS terhadap soalan, melibatkan proses pengumpulan maklumat ) Isi jawapan ikut peruntukan markah

### **Soalan 3 :Ciri-ciri perlembagaan ( Bt ms 162-163 )**

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan. Tujuan perlembagaan adalah sebagai dokumen rasmi negara.Mengandungi segala peraturan dan prinsip.Sebagai panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasanya.Panduan untuk mentadbir negara.Parti politik yang memerintah akan mengetahui hala tuju pentadbiran negara.Menjamin kerajaan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat.Perlembagaan Malaysia yang diperkenalkan pada 16 September 1963 mengandungi 183 perkara.Perlembagaan ini mengandungi pelbagai peruntukan,seperti Senarai Kerajaan Persekutuan,Senarai Kerajaan Negeri,Senarai Bersama.Institusi YDPA,Parlimen,Jemaah Menteri dan Badan Kehakiman.Perlembagaan Malaysia telah membuat pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.Kerana Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan.Negeri-negeri yang bergabung dengan Persekutuan Malaysia.Diberikan hak,kuasa dan tanggungjawab seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri

=====

### **Soalan 4 : Apakah kepentingan / sumbangan perlembagaan kepada negara kita ( Btms 163-164)**

Kepentingan Perlembagaan di Negara kita merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan. Ia dijadikan dokumen rasmi yang mengandungi peraturan dan prinsip.Menjadi panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasa dan mentadbir Negara. Halatuju pentadbiran Negara ditentukan melalui perlembagaan yang dibuat.Kepentingan perlembagaan kepada kesejahteraan negara ialah menjamin kestabilan negara.

Selain itu ia menentukan rangka dan bentuk pentadbiran negara serta menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan,ketelusan dan kelicinan pentadbiran . Perlembagaan juga menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada negara seterusnya dapat membentuk semangat patriotisme. Contohnya perkara 24 perlembagaan Malaysia menyatakan seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain akan dilucutkan kewarganegaraanya.Selain itu perkara 25 menyatakan bahawa seseorang warga negara boleh dilucutkan kerakyatannya jika terbukti tidak setia kepada negara.

Seterusnya perlembagaan menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat contohnya hak bersatu, beragama, memiliki harta, pendidikan, kebebasan berhimpun dan kesamarataan perlindungan undang-undang. Selain itu perkara 153 memperuntukkan peranan Yang di-Pertuan Agong. Perlembagaan juga menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu serta bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ia juga menjamin kerjasama dan kesepakatan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Ia juga menjadi rujukan utama dalam pengubalan undang-undang persekutuan dan negeri.

Selain itu ia mewujudkan penyelarasan sistem pemerintahan negara. perlembagaan negeri tidak boleh bercanggah dengan perlembagaan Malaysia. Perlembagaan juga menjaminkan kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak tidak dipersoalkan. Perlembagaan melarang rakyat mempersoalkan hak istimewa tersebut. Selain itu kerajaan persekutuan menggunakan kuasanya dalam bidang pendidikan dan kesihatan untuk membantu memajukan pembangunan di Sabah dan Sarawak.

=====

**Soalan 5 :Kaedah pindaan perlembagaan oleh parlimen Malaysia ( Btms 165-166)**

Pindaan Perlembagaan Malaysia dapat dilakukan melalui empat kaedah.

Kaedah Pertama ialah melalui persetujuan majoriti lebih suara  $\frac{2}{3}$  Dewan Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-Raja. Perkara-perkara yang dipinda melalui kaedah pertama ialah kewarganegaraan (Perkara 14-31), tugas dan kuasa Majlis Raja-Raja (Perkara 38) dan keistimewaan Parlimen (Perkara 63). Selain itu, perkara yang melibatkan keutamaan raja, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, Raja-Raja dan Yang Dipertua Negeri (Perkara 70), jaminan persekutuan terhadap perlembagaan negeri (Perkara 71), keistimewaan Dewan Undangan Negeri (Perkara 71), bahasa kebangsaan (Perkara 152), kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera (Perkara 153) Pindaan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 159), kedaulatan raja-raja (Perkara 181) dan undang-undang yang berkaitan dengan perubahan sempadan.

Kaedah Kedua ialah melalui persetujuan majoriti lebih suara  $\frac{2}{3}$  Dewan Parlimen dan persetujuan Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Sabah. Perkara yang boleh dipinda melalui kaedah ini ialah tentang keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Sarawak dan Sabah, kuasa kerajaan Negeri menahan kemasukan orang yang bukan dari Sarawak dan Sabah (Akta Imigresen 1961), kuasa perundangan dan pemerintahan, kuasa negeri, agama, bahasa, dan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sarawak dan Sabah.

Kaedah Ketiga ialah melalui persetujuan lebih suara  $\frac{2}{3}$  Dewan Parlimen. Perkara yang boleh dipinda melalui kaedah tersebut ialah perkara yang tiada disebut dalam mana-mana tiga kaedah pindaan.

Kaedah Keempat ialah melalui persetujuan lebih suara Dewan Parlimen. Perkara yang boleh dipinda melalui kaedah ini ialah pindaan Jadual 2, 6 dan 7 Bahagian III tentang kewarganegaraan, pemilihan dan persaraan ahli Dewan Negara dan persempadanan pilihan raya. Selain itu, pindaan Perkara 74 mengenai perkara yang disebut dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama. Perkara lain ialah Perkara 76 mengenai perkara dalam Senarai Negeri yang melibatkan pelaksanaan, persetujuan, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan negara lain. Hal yang sama juga boleh dilakukan oleh Dewan Undangan Negeri bagi perkara yang berhubung dengan Senarai Negeri atau Senarai Bersama yang diperuntukan oleh perlembagaan

=====

**Soalan 6 :Kepentingan perlembagaan dalam melaksanakan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.**

Perlembagaan berperanan menjamin kestabilan negara. Perlembagaan menentukan rangka dan bentuk pentadbiran negara. Perlembagaan membantu melicinkan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah kerajaan. Perlembagaan menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan dan ketelusan dalam menjalankan pemerintahan dan pentadbiran.

Perlembagaan menjadi panduan kepada pemimpin negara dalam menjalankan pemerintahan. Perlembagaan dapat menentukan pemerintahan yang dijalankan oleh pemimpin negara menepati kehendak perlembagaan dan aspirasi rakyat.

Perlembagaan menjamin taat setia rakyat kepada negara. Perlembagaan membentuk semangat patriotisme rakyat. Seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain atau tidak setia kepada negara boleh dilucutkan kerakyatannya. Perlembagaan menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat.

Setiap warganegara mempunyai hak dan kebebasan untuk persatuan, beragama dan memiliki harta. Walau bagaimanapun, warganegara perlu mengetahui had kebebasan mereka di sisi undang-undang

Perlembagaan menjadi rujukan dalam menggubal undang-undang persekutuan dan negeri. Perlembagaan Negeri tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan menentukan peranan Yang di-Pertuan Agong.

Yang di-Pertuan Agong berperanan memelihara hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sarawak dan Sabah. Contohnya jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan, serta kemudahan pemberian lesen perniagaan dan perdagangan.

Perlembagaan menjamin kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Bidang kuasa kerajaan ditetapkan melalui Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Pentadbiran negara dapat diselaraskan tanpa perbalahan.

Perlembagaan menjamin hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan di Sabah tidak dipersoalkan. Ini adalah jaminan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia sebelum Sarawak dan Sabah menyertai persekutuan Malaysia.

=====

**Soalan 7 : Kaedah / Tujuan pindaan perlembagaan oleh parlimen Malaysia ( Btms 165-166)**

Pindaan perlembagaan dibuat bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat. Pindaan perlembagaan juga bertujuan menjaga keselamatan negara. Pindaan perlembagaan dibuat untuk melicinkan urusan pentadbiran. Selain itu, pindaan perlembagaan dibuat supaya sesuai dengan keperluan semasa. Ia juga menjadikan perlembagaan sebagai undang-undang yang munasabah dan kandungannya dipatuhi oleh rakyat dengan rela hati. Ia juga dipinda bagi melarang perkara sensitif dipersoalkan secara terbuka contohnya pemerintahan beraja, agama Islam, kedudukan bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu. Parlimen telah meluluskan pindaan Akta Hasutan 1970 yang menghadkan seseorang individu bercakap sewenang-wenangnya sehingga menyentuh perkara sensitif yang boleh menimbulkan perbalahan antara kaum. Selain itu, untuk memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat berbilang kaum. Ia dapat mengelakkan perbalahan kaum.

Antara pindaan besar yang telah dibuat ialah pemansuhan imuniti (kekebalan) Yang Dipertuan Agong dan raja daripada kesalahan jenayah Mengekalkan kedaulatan Negara, menjamin keharmonian hidup bermasyarakat dan menjadi garis panduan untuk pemimpin dalam mentadbir Negara. Mengelakkan jenayah dilakukan secara berleluasa dan menentukan hukuman bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Memastikan keselamatan Negara terpelihara

daripada unsur luar dan mengelakkan daripada berlakunya keganasan dalam masyarakat majmuk. Mengelakkan berlakunya pencerobohan dari Negara luar yang boleh mengancam keamanan Negara. Menjamin kestabilan sesebuah Negara. Membantu menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan, ketelusan serta kelicinan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah Negara. Menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada Negara. Penyelarasan dalam sistem pemerintahan Negara.

Pindaan perlembagaan bertujuan melarang perkara-perkara sensitif dipersoalkan secara terbuka. Pindaan perlembagaan dibuat bertujuan memelihara keharmonian rakyat berbilang kaum. Pindaan perlembagaan juga dibuat untuk memansuhkan imuniti bagi Yang Dipertuan Agong daripada kesalahan jenayah.

**RUJUK BUKU TEKS** Andaian Soalan ARAS 4. APLIKASI

( Menggunakan pengetahuan dan maklumat yang dipelajari serta kefahaman tentang pengetahuan dan maklumat itu untuk diaplikasikan DALAM SATU SITUASI BARU ) Isi jawapan ikut peruntukan markah

=====

**Soalan 8 : b) Cara-cara mengekalkan keamanan negara melalui perlembagaan**

**Soalan 8 : Bagaimanakah Perlembagaan Malaysia dapat menjamin kestabilan Negara ?**

Rakyat mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan di Malaysia. Rakyat akan memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, raja dan Negara dimana ia bertujuan mewujudkan semangat patriotism dalam diri setiap rakyat. Menjamin pilihan raya yang diadakan adalah adil agar keamanan Negara dapat dikekalkan dan memastikan pemimpin akur dan membuat polisi berdasarkan apa yang dibenarkan dan tidak bercanggah dengan perlembagaan. Menjaga kepentingan setiap kaum di Malaysia bagi mengelakkan perbalahan. Menjamin hak istimewa orang Melayu seperti Perkara 153 Perlembagaan tetapi tidak mengabaikan hak kaum lain. Membantu parti politik yang memerintah untuk mengetahui hala tuju pentadbiran Negara Perlembagaan menetapkan pengagihan kuasa pemimpin bagi mengelakkan pemboilotan kuasa dan mencegah daripada campurtangan pihak lain. Penetapan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan adalah mengekalkan identity bangsa. Bahasa lain masih dibenarkan penggunaannya. Memberi rakyat kebebasan beragama tanpa menyinggung amalan agama lain. Ketelusan dan keadilan dalam penghakiman di

mahkamah mengikut perlembagaan dapat menjamin keamanan Negara. Perlembagaan dapat memantapkan kewibawaan institusi beraja. Mengekalkan warisan kesultanan Melayu dan memberi keseimbangan kepada pemimpin yang menaungi rakyat. Sifat jujur, ketelusan dan keadilan di amalkan oleh pemimpin Negara.

=====

**Soalan 9 :Sebagai generasi masa kini apakah peranan anda bagi memastikan perlembagaan Malaysia dipatuhi.**

Sebagai generasi masa kini, saya perlu hidup dalam suasana harmoni. Sebarang perbezaan pendapat harus diselesaikan dengan cara diplomasi dan tolak ansur supaya persengketaan dapat dihindari. Elakkan sebarang provokasi yang menyentuh sensitiviti kaum. Perasaan saling hormat menghormati perlu ada dalam diri setiap generasi kini. Kita perlu berganding bahu menyokong setiap dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Saya perlu mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan oleh negara. Sekiranya saya terpilih menyertai PLKN saya akan mengikutinya tanpa bantahan. Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk bersama-sama mempertahankan kedaulatan negara. Sebagai pelajar saya akan mengelak dari terlibat dengan sebarang aktiviti negatif yang boleh menjejaskan nama baik negara.

=====

**Soalan 10 :Sebagai seorang pengerusi persatuan Sejarah di sekolah,apakah peranan anda berdasarkan perlembagaan persatuan tersebut ?**

Peranan saya sebagai pengerusi persatuan sejarah ialah menguruskan mesyuarat dan memastikan mesyuarat berjalan lancar. Seterusnya meneliti catatan minit mesyuarat serta memastikan segala keputusan diambil tindakan. Saya juga berperanan membincangkan program tahunan bagi tahun tersebut dan membuat pelan operasi bagi setiap program. Saya juga mengagihkan tugas kepada ahli dan memastikan setiap ahli menjalankan tanggungjawab. Seterusnya saya juga memastikan kehadiran ahli dalam setiap program dan memastikan setiap program berjalan lancar dengan mengambil kira pandangan ahli dalam membuat keputusan. Selain itu saya juga perlu memastikan buku laporan lengkap sempurna dan memastikan semua laporan program disiapkan. Saya juga perlu menjalankan tugas seperti diarahkan oleh guru penasihat dan menjaga ketrampilan sebagai seorang pemimpin persatuan serta menjadikan Persatuan Sejarah sebagai sebuah persatuan yang diminati. Saya akan menjalankan post mortem selepas melakukan sesuatu program seterusnya melakukan penambahbaikan selepas program dilaksanakan.

**Soalan 11 :Perlembagaan Malaysia telah menjamin kemakmuran negara. Buktikan**

Kejayaan negara dalam bidang politik ialah meningkatkan kestabilan negara. Selain itu mewujudkan perpaduan kaum. Malaysia juga berjaya mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi serta meningkatkan imej negara di mata dunia. Berlaku juga peningkatan penyertaan rakyat dalam bidang politik. Hubungan diplomatik dengan negara luar juga semakin meningkat. Malaysia juga berjaya mengeratkan kerjasama serantau (ASEAN) dan kerjasama antarabangsa (PBB, OIC,NAM). Seterusnya Malaysia berjaya membentuk kerjasama kerajaan adil dan berintegriti. Institusi Raja Berperlembagaan berjaya ditegakkan. Transformasi oleh kerajaan contohnya dalam bidang pendidikan, ekonomi,pertahanan dan kebajikan rakyat. Penambahbaikan sistem undang-undang (kehakiman) juga dilaksanakan Selain itu penambahbaikan sistem ketenteraan dan pertahanan juga dilakukan. Keluhuran dan ketertinggian perlembagaan sentiasa dipelihara. Selain itu, meningkatkan semangat patriotisme dalam jiwa rakyat serta meningkatkan semangat jati diri dan wujud perasaan bangga menjadi rakyat Malaysia.Kejayaan dalam bidang politik juga meningkatkan ekonomi dan meningkatkan pelaburan asing. Malaysia juga berjaya menjadi perantara dalam menyelesaikan isu-isu antarabangsa.

=====

**Soalan 12 :Perlembagaan Malaysia telah menjadi kunci kepada kestabilan politik di Negara kita.Buktikan**

( Sila olah jawapan anda dalam bentuk esei )

1. Sistem pentadbiran yang cekap dengan berpandukan kuasa yang diberikan perlembagaan
2. Pemimpin mendapat panduan untuk memerintah Negara sekali gus untuk menepati aspirasi rakyat
3. Perpaduan rakyat yang kukuh dan saling menghormati
4. Negara sentiasa aman kerana rakyat mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan
5. Hak kebebasan asasi rakyat terjamin berdasarkan Perkara 9 dan Perkara 10 dalam perlembagaan
6. Hak rakyat terjamin melalui keadilan social yang terkandung di dalam Perlembagaan.
7. Sistem perundangan yang adil telah memuaskan hati semua pihak
8. Pembangunan Negara yang seimbang dan dinikmati oleh semua pihak
9. Masyarakat yang harmoni dan bersatu hati melalui kebebasan yang diberikan Perlembagaan



10. rakyat yang setia kepada Negara melalui Perkara 25 yang menyatakan mengenai perlucutan status kewarganegaraan jika tidak setia kepada Negara.

=====

**Soalan 13 :Jelaskan cabaran dan langkah yang dihadapi oleh Malaysia untuk menjamin kestabilan politik**

Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia untuk menjamin kestabilan politik ialah wujudnya parti yang tidak berdaftar. Selain itu, terdapat tekanan dari negara maju.Rakyat Malaysia juga kurang pengetahuan politik. Berlakunya pencerobohan luar contohnya di Lahad Datu dan Semporna. Lambakan warga asing juga merupakan cabaran untuk menjamin kestabilan politik. Kurangnya perpaduan dalam kalangan masyarakat juga menggugat kestabilan politik. Masalah pecah amanah juga berlaku dalam negara. Kestabilan politik juga boleh tergugat kerana kurang semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Masalah gejala sosial seperti rasuah dan dadah menggugat kestabilan politik. Selain itu perpecahan kaum dan menyentuh isu-isu sensitif keagamaan mencetuskan demonstrasi dan rusuhan. Tidak kurang juga masalah keruntuhan akhlak dan penyebaran ajaran sesat.

**Soalan : Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah di atas.**

Langkah-langkah untuk mengatasi masalah di atas ialah pendaftaran parti-parti politik secara sah. Selain itu, mengadakan kempen pilihanraya yang adil. Sentiasa mengamalkan konsep 1Malaysia. Kempen anti rasuah juga perlu sentiasa dijalankan. Penambahan dan peningkatan ilmu pengetahuan dapat mengatasi masalah tersebut disamping memperkukuhkan jati diri rakyat dan seterusnya melahirkan modal insan yang cemerlang. Seterusnya meningkatkan semangat patriotisme dan merapatkan hubungan silaturrahim. Mengubah suai kurikulum pendidikan juga salah satu langkah yang baik untuk melahirkan masyarakat yang mematuhi prinsip Rukun Negara. Kerajaan perlu mengadakan pilihanraya yang telus. Didikan agama perlu diberi keutamaan. Kita mestilah sentiasa menghormati agama kaum lain dan pihak berkuasa perlu sentiasa menguatkuasa undang-undang.

=====

**Soalan 14 :Ramalkan keadaan sesebuah Negara rakyat tidak mematuhi perlembagaan**

Negara menjadi tidak aman kerana keselamatan Negara tidak aman. Hak-hak rakyat seperti kebebasan bersuara tidak diambil kira, Rakyat akan hidup kucar kacir tanpa garis panduan yang betul. Kadar jenayah di Negara semakin meningkat. Perpaduan antara kaum akan terjejas kerana tiada persefahaman. Bilangan pelabur asing semakin berkurangan, sekali gus mengancam ekonomi Negara. Peningkatan gejala sosial seperti rogol, membunuh, merompak dan sebagainya. Perkembangan pendidikan Negara terjejas.Pencerobohan anasir luar semakin berleluasa. Pencerobohan anasir luar semakin meningkat dan mengancam keamanan negara

=====

**SOALAN 15: Nyatakan nilai murni/iktibar yang diperoleh daripada kestabilan politik Negara**

Nilai murni/iktibar yang diperoleh daripada kestabilan politik negara ialah memupuk kerjasama dan perpaduan kaum. Ini akan menjadikan kita gigih dan bersungguh-sungguh untuk bekerja. Kestabilan politik negara juga dapat memupuk jati diri. Selain itu menunjukkan kebijaksanaan pemimpin. Ia juga menjadikan kita lebih berdaya saing dan dapat menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R & D). Kestabilan politik juga membolehkan kita menguasai ilmu pengetahuan. Ia juga menjadikan kita lebih mahir dalam semua aspek. Rakyat juga melahirkan rasa syukur kerana politik yang stabil dan meningkatkan permuafakatan antara rakyat dengan kerajaan. Selain itu , kita perlu memanfaatkan sumber dan bijak mengambil peluang serta berusaha mengekalkan keharmonian dan seterusnya menjamin kejayaan sistem demokrasi berparlimen.

=====

**Soalan 16 :Nyatakan nilai murni yang diperoleh daripada prinsip Rukun Negara ketiga iaitu KELUHURAN PERLEMBAGAAN dan kedua iaitu KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA NILAI RUKUN NEGARA KETIGA (KELUHURAN PERLEMBAGAAN)**

1. Mematuhi undang2 untuk menjamin keaamanan
2. Menyanjungi perlembagaan Negara
3. Mengetahui had kebebasan masing-masing
4. Setia kepada Negara dan bersifat patriotik
5. Menghargai jasa pemimpin Negara
6. Memelihara hak istimewa kaum Melayu
7. Tidak membicarakan isu-isu sensitive yang boleh memecah-belahkan kaum
8. Tidak terlibat dalam aktiviti yang menjejaskan keamanan
9. Menjadi warganegara yang produktif untuk pembangunan negara

## NILAI RUKUN NEGARA KEDUA (KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA)

1. Taat setia kepada raja dan Negara
2. Menghormati pemimpin Negara
3. Berbangga terhadap institusi beraja
4. Mengamalkan perpaduan antara kaum
5. Berbangga sebagai warganegara Malaysia
6. Bersedia mempertahankan kedaulatan Negara
7. Sentiasa mematuhi undang-undang Negara
8. Terlibat dalam memajukan Negara
9. Memelihara maruah dan imej Negara
10. Cinta akan Negara dan sanggup berkorban untk mempertahankan kedaulatannya

**( Sila olah jawapan anda dalam bentuk esei )**